

Warga asing mengaku bersalah miliki syabu

MIRI: Mahkamah Majistret di sini, semalam menetapkan 31 Oktober ini untuk sebutan lanjut kes seorang lelaki warga asing yang mengaku bersalah atas pertuduhan memiliki syabu.

Sehubungan itu, tertuduh yang merupakan warganegara asing diperintahkan ditanah lanjut mengikut Seksyen 259 Kanun Prosedur Jenayah sementara menunggu tarikh tersebut.

Penetapan tarikh itu dibuat Majistret Sandy Yvette Freddy setelah membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Luqman Hakim Sahrol Bahar yang memohon tarikh baharu untuk sebutan lanjut sementara menunggu laporan kimia berhubung barang kes siap.

Tertuduh, Kristianto dari Kalimantan Barat, Indonesia, didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta sama. Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Menurut pertuduhan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.30 gram.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 11.40 malam, 22 September lalu di sebuah bilik yang terletak di tingkat tiga sebuah bangunan di Beautiful Centre di sini.